

PERATURAN PEMARKAHAN

BAHASA MELAYU  
KERTAS 2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

A

MARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta PPD Johor Bahru**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

|                                                        |   |  |
|--------------------------------------------------------|---|--|
| NAMA PEMERIKSA                                         | : |  |
| NAMA SEKOLAH                                           | : |  |
| TANDA TANGAN<br>PENERIMAAN<br>PERATURAN<br>PERMARKAHAN | : |  |
| TARIKH                                                 | : |  |
| COP SEKOLAH                                            | : |  |

Peraturan pemarkahan ini mengandungi **17** halaman bercetak.

**MARKAH PENUH : 100 MARKAH**  
**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 1: **8** markah

Soalan 2: **6** markah

Soalan 3: **11** markah

Soalan 4: **6** markah

Soalan 5: **4** markah

**Perhatian bagi Soalan 1**

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata nama terbitan yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata nama terbitan tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

**Soalan 1 - Morfologi**

**(i) tenang**

1. Tidak berkocak, tidak berombak (air, laut); teduh (angin, ribut, dll)
2. Tidak gelisah; tidak kacau atau rusuh / tidak tergesa-gesa

**(ii) halus**

- tidak besar / tidak kesat
- sangat kecil ukurannya
- berbudi bahasa yang baik, beradab

**(iii) teruk**

- amat sangat / hebat sekali / terlalu sangat / amat buruk
- susah, sukar

**(iv) padu**

- mampat, padat, pejal, tumpat
- telah sebat /
- kukuh / kuat

**(v) pulih**

1. Kembali seperti biasa / sembuh atau baik semula
2. Mengembalikan kepada keadaan semula.

[Maksimum: 8 markah]

**Soalan 2 - Sintaksis****(i) Mengapakah pelajar gemar menelaah di pusat sumber sekolah?**

-Ayat tanya

**(ii) Pelajar menjadi lebih fokus dan memberikan sepenuh tumpuan ketika belajar di pusat sumber sekolah.**

-Ayat penyata

**(iii) Elakkan membuat bising ketika berada di pusat sumber**

-Ayat perintah

[Maksimum: 6 markah]

**Soalan 3 - Penyuntingan****Bahan 1**

- (i) penghawa dingin - pendingin hawa
- (ii) vokasyional - vokasional
- (iii) eletrik - elektrik
- (iv) Pehotelan - Perhotelan
- (v) Kemasukkan – Kemasukan
- (vi) aktiviti - program

**Bahan 2**

- (i) dicicirkan - kecaciran
- (ii) Walaubagaimanapun – Walau bagaimanapun
- (iii) mentranformasikan - mentransformasikan
- (iv) yang - bahawa
- (v) inspirasi - aspirasi
- (vi) tidak - bukan

[Maksimum: 11 markah]

**Panduan pemarkahan menukarkan Bahasa Melayu klasik kepada Bahasa Melayu Standard bagi Soalan 4**

| Deskripsi                                                                 | Markah |
|---------------------------------------------------------------------------|--------|
|                                                                           | 6      |
| - Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis                | 5-6    |
| - Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis   | 4      |
| - Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis  | 3      |
| - Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis               |        |
| - Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis | 2      |
| - Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis  | 1      |
| - Ayat disalin bulat-bulat                                                | 0      |
| - Isi tidak mengikut urutan                                               | 0      |

**Soalan 4 - Bahasa Melayu Standard**

Seri Amerta menyampaikan kata-kata Tun Perak ke bawah Duli Yang Dipertuan. Baginda tersenyum lalu bertitah, “Benar seperti yang dikatakan oleh Tun Perak.”

Baginda mengambil sirih daripada isteri baginda, dititahkan untuk diberikan kepada Tun Perak. Baginda bertitah kepada Tun Perak, “Tun Perak tidak patut tinggal di Kelang lagi; lebih baik Tun Perak tinggal di negeri.”

Orang Siam pun datang lalu berperang dengan orang Melaka. Setelah beberapa lama berperang, ramai rakyat Siam yang mati, Melaka tidak beralah.

**[Maksimum: 6 markah]**

**Soalan 5: Peribahasa lawan maksud**

**Markah**

- |                                                                     |   |
|---------------------------------------------------------------------|---|
| (i)    bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing     | 2 |
| (ii)   Air dicincang tidak akan putus / biduk lalu kiambang bertaut | 2 |

**[Maksimum: 4 markah]**

**BAHAGIAN B: PEMAHAMAN**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : **12** markah

Soalan 7 : **13** markah

Soalan 8 : **10** markah

**Perhatian bagi Soalan 6, 7 dan 8**

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan pemarkahan bagi soalan pemahaman****1. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks**

| DESKRIPSI                                                          | MARKAH |
|--------------------------------------------------------------------|--------|
| - Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis       | 2      |
| - Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis | 1      |
| - Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup                           |        |
| - Jawapan salah                                                    | 0      |

**2. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT**

| DESKRIPSI                                                                                | MARKAH |
|------------------------------------------------------------------------------------------|--------|
| - Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis               | 3      |
| - Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis | 2      |
| - Isi <b>tidak</b> cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis                         |        |
| - Isi <b>tidak</b> cukup / <b>tidak</b> menyentuh semua bahan                            | 1      |
| - Jawapan salah                                                                          | 0      |

**3. Soalan 4 markah: Pemahaman berdasarkan unsur KBAT dan novel**

| DESKRIPSI                                                                | MARKAH |
|--------------------------------------------------------------------------|--------|
| - Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis               | 4      |
| - Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis | 3      |
| - Isi <b>tidak</b> cukup (2 isi) / ayat gramatis                         |        |
| - Isi <b>tidak</b> cukup (2 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis           | 2      |
| - Isi <b>tidak</b> cukup (1 isi) / ayat gramatis                         |        |
| - Isi <b>tidak</b> cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis           | 1      |
| - Jawapan salah                                                          | 0      |

## Soalan 6

## Markah

## (i) Maksud

- |                                                          |   |
|----------------------------------------------------------|---|
| - tenaga / daya / keteguhan / kekukuhan akal / pemikiran | 2 |
| - tenaga / daya / keteguhan / kekukuhan <i>mental</i>    | 1 |
| - <i>kekuatan</i> akal / pemikiran                       | 1 |

## (ii) Perkara

## Bahan 1

- |    |                                                                                                              |   |
|----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---|
| P1 | mengetahui teknik memegang bola                                                                              | 1 |
| P2 | membuat hayunan tangan yang betul                                                                            | 1 |
| P3 | menggolek bola di atas lorong dengan tujuan untuk memperoleh mata secara menjatuhkan sebanyak pin yang boleh | 1 |

## Bahan 2

- |    |                                                        |   |
|----|--------------------------------------------------------|---|
| P1 | mengetahui cara memegang bol dan hantaran              | 1 |
| P2 | tahu jenis-jenis grin dan ukurannya                    | 1 |
| P3 | cara mengukur dan mengira mata sebagai seorang pemain. | 1 |

**Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2**

[Maksimum: 3  
markah]

[Isi cukup: 2 isi]

## (iii) Faktor-faktor

- |    |                                                |   |
|----|------------------------------------------------|---|
| P1 | latihan tidak sistematik / kurang latihan      | 1 |
| P2 | tidak menguasai sains sukan                    | 1 |
| P3 | cepat berputus asa                             | 1 |
| P4 | kurang menyertai pertandingan peringkat tinggi | 1 |
| P5 | tidak menjaga aspek pemakanan                  | 1 |
| P6 | kurang disiplin diri                           | 1 |

**(Kepentingan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

## (iv) Tindakan-tindakan

- |    |                                                          |   |
|----|----------------------------------------------------------|---|
| P1 | menyertai kelab bola sepak                               | 1 |
| P2 | mendapatkan tunjuk ajar daripada jurulatih berpengalaman | 1 |
| P3 | memasuki sekolah sukan                                   | 1 |
| P4 | melakukan latihan sistematik                             | 1 |
| P5 | menjaga aspek pemakanan                                  | 1 |
| P6 | meningkatkan disiplin diri                               | 1 |

**(Tindakan yang lain boleh diterima D'Care D'Care sekiranya sesuai)**

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

## Soalan 7

## Markah

(i) **Kesan buruk**

|    |                                      |   |
|----|--------------------------------------|---|
| P1 | suka bertelagah                      | 1 |
| P2 | perangai kelihatan buruk / memalukan | 1 |
| P3 | dibenci orang                        | 1 |

[Maksimum: 2 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(ii) **Punca permasalahan hidup****Bahan 1**

|    |                                         |   |
|----|-----------------------------------------|---|
| P1 | keluarganya yang bengis                 | 1 |
| P2 | keluarganya yang kasar.                 | 1 |
| P3 | mengambil bahan kimia secara berlebihan | 1 |

**Bahan 2**

|    |                                            |   |
|----|--------------------------------------------|---|
| P1 | amal / kebaikan hanya sedikit              | 1 |
| P2 | mulut suka mencaci                         | 1 |
| P3 | meminggir / tidak cinta akan ilmu          | 1 |
| P4 | nafsu sering mendatang / mengikut nafsu    | 1 |
| P5 | diri suka bermegah / bangga diri / sombong | 1 |
| P6 | diri berasa di mercu / meninggikan diri    | 1 |
| P7 | membelakangi adab / tiada adab             | 1 |

**Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2**

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

(iii) **Kesan negatif**

|    |                             |   |
|----|-----------------------------|---|
| P1 | tiada kawan/ rakan/sahabat  | 1 |
| P2 | tidak fokus melakukan kerja | 1 |
| P3 | hasad dengki                | 1 |
| P4 | perasaan dendam             | 1 |
| P5 | menyalahkan orang lain      | 1 |
| P6 | merosakkan harta benda awam | 1 |
| P7 | keluarga tidak bahagia      | 1 |

**(Usaha yang lain boleh diterima sekiranya sesuai markah]**

[Maksimum: 4

[Isi cukup: 3 is]

(iv) **Tindakan:**

|    |                                             |   |
|----|---------------------------------------------|---|
| P1 | menghubungi pihak pusat beli-belah          | 1 |
| P2 | menelefon pihak berkuasa                    | 1 |
| P3 | menasihati individu yang terlibat           | 1 |
| P4 | memaklumkan kepada pengawal keselamatan     | 1 |
| P5 | memberitahu ibu bapa individu yang dikenali | 1 |

**(Tindakan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

[Maksimum: 4 markah]  
[Isi cukup: 3 isi]

**Soalan 8 - Novel**

| (i) Punca-punca:                                       | Markah |
|--------------------------------------------------------|--------|
| P1 media massa                                         | 1      |
| P2 kurang perhatian orang tua                          | 1      |
| P3 masyarakat berlumba-lumba memburu kekayaan material | 1      |
| P4 mengabaikan kekayaan batiniah                       | 1      |

[Maksimum : 4 markah]  
[Isi cukup : 3 isi]

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)**

**(ii) Jawapan soalan novel**

- (a) Jawapan berdasarkan **sebuah novel** yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap **isi** yang betul.
- (d) Beri 1 markah bagi peristiwa / huraian / contoh yang lengkap / jelas bagi setiap isi.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap isi dan peristiwa / huraian / contoh).
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh:
  - Baik : 2 markah
  - Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum 6 markah]

(ii) Kepentingan semangat kerjasama dalam kehidupan

**A. DI SEBALIK DINARA karya Dayang Noor.**

**1. Kepentingan: Kerjasama penting dalam usaha untuk memajukan syarikat.**

Peristiwa Farisha dan Rosman bekerjasama dalam memajukan syarikat milik mereka dengan bijak membahagikan tugas. Rosman mengurus projek di Senawang manakala Farisha mengurus projek yang ditawarkan oleh Soft Lab.

**2. Kepentingan : Penggerak kemajuan dalam bidang sains dan teknologi / organisasi.**

Peristiwa Karl, Marilyn/Medina, Dr. Maxi dan kakitangan Soft Lab banyak menjalankan uji kaji dan penyelidikan secara bersama-sama. Melalui kerjasama tersebut, Karl telah berjaya mencipta manusia prototaip iaitu Alia dan Aqram

**3. Kepentingan : Melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan.**

Peristiwa Azraai bekerjasama dengan ayah dan ibunya menjaga Farisha sejak Farisha berumur 2 tahun dan memastikan semua mikrocip mesti kekal dalam tubuh Farisha dan Farisha mesti berkhidmat di Soft Lab apabila diperlukan.

**4. Kepentingan : Menyelamatkan teknologi yang telah dihasilkan.**

Peristiwa Farisha bekerjasama dengan Aqram dan Dr. Maxi untuk menyelamatkan sistem Dinara yang dihasilkan oleh Karl daripada dimusnahkan oleh virus yang dihantar oleh musuh-musuh Karl.

**5. Kepentingan : Menyelamatkan nyawa orang lain**

Peristiwa Dr. Maxi bekerjasama dengan bapa Azraai dengan ‘menculik’ dan menyembunyikan Farisha yang ketika itu berusia 2 tahun bagi menyelamatkan Farisha daripada terus menjadi bahan uji kaji dan kemungkinan dibunuh oleh ibunya sendiri iaitu Medina/Marilyn. Farisha telah diambil sebagai anak angkat oleh keluarga Azraai

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.

**B. SILIR DAKSINA karya Nizar Parman****1. Kepentingan : Kerjasama penting untuk menjayakan sesuatu majlis / program**

Penduduk Kampung Seri Purnama bekerjasama dan saling membantu bagi menjayakan sambutan Hari Kemerdekaan dan persembahan zapin D'Purnama pada malam tersebut di peringkat mukim dan dipilih untuk menjadi tuan rumah. Masyarakat kampung bekerjasama seperti memasang balai, serata, sistem pembesar suara dan persiapan tempat manakala orang-orang perempuan pula bekerjasama membuat persiapan pentas dan jamuan.

**2. Kepentingan : Menghidupkan semula warisan tradisi**

Haiqal Hakimi/Aiman bekerjasama dengan penduduk Kampung Seri Purnama untuk menghidupkan semula seni warisan tradisi seperti tarian zapin jincat dan Aksara dengan bantuan dan sokongan daripada Tauke Lim/Tauke Ong, Ong See Hwa/ai Ling dan seluruh penduduk kampung Seri Purnama.

**3. Kepentingan : Menangani masalah sosial yang dihadapi / berlaku di sekeliling kita**

Pak Cik Bakar dengan kerjasama Haji Jamil, Tauke Ong, Puan Khei, See Hwa dan Lazim berusaha mengaktifkan semula kumpulan zapin D'Purnama untuk mengelakkan anak-anak muda daripada melepak dan terlibat dengan gejala sosial.

**4. Kepentingan : Mewujudkan suasana yang aman dan harmoni**

Penduduk Kampung Seri Purnama yang terdiri daripada masyarakat Melayu seperti Abdullah bin Kayan dan masyarakat Cina seperti Tauke Ong hidup dalam suasana yang harmoni dan tolong-menolong tanpa sebarang perselisihan faham. Keluarga Abudullah Kayan membantu Tauke Ong yang datang ke kampung itu dengan sehelai sepinggang dan menawarkan kerja menorah getah di kampung mereka kepada Tauke Ong. Tauke Ong pula sangat pemurah apabila kerap menghulurkan bantuan berbentuk kewangan seandainya ada keramaian di kampung tersebut seperti majlis menyambut kehadiran YB Datuk Saiful Azizi.

**5. Kepentingan : Menjaga amanah yang telah dipertanggungjawabkan.**

Tauke Ong/Ong Swee Hua/Ailing dan isterinya Puan Khei bekerjasama menjaga rumah peninggalan dan barang-barang kepunyaan Abdullah Kayan yang disimpan di balai raya Kampung Seri Purnama. Masyarakat kampung iaitu Pak Cik Bakar, Tauke Ong, Ong Swee Hwa bersama-sama membantu Haiqal menjejaki sejarah hidup ayahnya Abdullah Kayan.

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai

**BAHAGIAN C : RUMUSAN**  
[30 markah]

**Soalan 9**

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi – **20** markah  
(b) Bahasa – **10** markah

**(a) Isi [20 markah]****Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor dan perkataan
- gelaran
- penanda wacana

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa

- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya tidak **perlu diperiksa**.

- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.

- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

|            | Bahagian            | Bilangan<br>Isi | Bilangan Isi Diterima |   |   |   |    | Markah<br>Maksimum |
|------------|---------------------|-----------------|-----------------------|---|---|---|----|--------------------|
| (i)        | Pendahuluan         |                 |                       |   |   |   | 2  |                    |
| (ii)       | Isi Bahan 1         |                 |                       |   |   |   | 16 |                    |
|            | Fokus 1 (Langkah)   | 3               | 3                     | 2 | 2 | 1 |    |                    |
|            | Fokus 2 (Punca)     | 4               | 2                     | 3 | 2 | 4 |    |                    |
| (iii)      | Isi Bahan 2         |                 |                       |   |   |   |    |                    |
|            | Fokus 1 (Langkah)   | 1               | 1                     | 1 | 1 | 1 |    |                    |
|            | Fokus 2 (Punca)     | 1               | 1                     | 1 | 1 | 1 |    |                    |
| (iv)       | Isi Bahan 3         |                 |                       |   |   |   |    |                    |
|            | Fokus 1 (Langkah)   | 2               | 1                     | 1 | 2 | 1 |    |                    |
| Jumlah Isi |                     | 11              | 8                     | 8 | 8 | 8 |    |                    |
| (v)        | Penutup/ Kesimpulan |                 |                       |   |   |   | 2  |                    |
|            |                     | Jumlah Markah   |                       |   |   |   | 20 |                    |

**(b) Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

| PERINGKAT        | MARKAH BAHASA        | KRITERIA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|------------------|----------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Cemerlang</b> | <b>8 – 10 markah</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Kesenambungan ayat sangat baik</li> <li>● Bahasa sangat gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu</li> <li>● Penggunaan kosa kata luas dan tepat</li> <li>● Pengolahan sangat menarik dan berkesan</li> </ul>                                    |
| <b>Baik</b>      | <b>5 – 7 markah</b>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Kesenambungan ayat baik</li> <li>● Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu</li> <li>● Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat</li> <li>● Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan</li> </ul>                         |
| <b>Sederhana</b> | <b>3 – 4 markah</b>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik</li> <li>● Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu</li> <li>● Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat</li> <li>● Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan</li> </ul> |
| <b>Lemah</b>     | <b>1 – 2 markah</b>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                        |

**Nota:**

- Jika menjawab dalam bentuk poin / fakta, markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual).
- Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa **sangat baik**, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah

perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.

- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

**[Maksimum: 10 markah]**

**Pendahuluan [2 markah]****Markah**

P1 membincangkan peranan-peranan / tanggungjawab-tangjawab / tugas-tugas pelbagai pihak untuk mengatasi kemalangan jalan raya dan faktor-faktor / punca-punca / sebab-sebab kemalangan jalan raya. 2

P2 membincangkan peranan-peranan / tanggungjawab-tangjawab / tugas-tugas pelbagai pihak untuk mengatasi kemalangan jalan raya 1

P3 membincangkan faktor-faktor / punca-punca / sebab-sebab kemalangan jalan raya 1

**Isi [16 markah]****FOKUS 1 : peranan / tanggungjawab / tugas pelbagai pihak untuk mengatasi kemalangan jalan raya****Bahan 1**

A1 Pihak berkuasa seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) hendaklah menambahkan Kamera Perangkap Laju Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES). 2

A2 Pihak sekolah perlu memberi pendedahan kepada murid tentang kemalangan jalan raya melalui Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) 2

A3 Jabatan Kerja Raya (JKR) yang sebagai agensi yang bertanggungjawab hendaklah turun padang 2

A4 kerajaan perlu menilai semula aspek perundangan dan hukuman ke atas pesalah lalu lintas 2

**Bahan 3**

B1 Ibu bapa perlu mendidik anak-anak mematuhi peraturan jalan raya 2

B2 Ibu bapa mesti menunjukkan contoh terbaik kepada anak-anak 2

**FOKUS 2 : faktor / punca/ sebab kemalangan jalan raya.****Bahan 1**

C1 keadaan fizikal jalan raya yang kurang baik 2

C2 keadaan cuaca yang kurang baik 2

**Bahan 2**

D1 Sikap cuai penyebab utama 2

D2 sikap gemar berlumba-lumba 2

**Kesimpulan [2 markah]**

K1 Kesimpulannya, kemalangan jalan raya perlulah diatasi agar jumlah kematian akibat kemalangan ini dapat dikurangkan. 2

K1 Kesimpulannya, kemalangan jalan raya perlu diatasi dengan segera. 1

K2 Kesimpulannya kemalangan jalan raya perlu dikurangkan di negara kita. 1

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**